

# Jangan percaya kepada fitnah

**KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan ahli-ahli Umno jangan membenarkan tokoh-tokoh politik yang kecewa menghancurkan parti itu semata-mata untuk mencapai cita-cita besar mereka.**

Beliau berkata, mereka juga hendaklah berjaga-jaga supaya tidak terpengaruh dengan tohmah dan fitnah tokoh-tokoh itu yang begitu ghairah berkempen untuk mendapatkan jawatan penting dalam parti.

"Sayangilah Umno dan jangan biarkan parti ini dipecahbelahkan oleh dua tiga pemimpin," tegas Perdana Menteri ketika merasmikan persidangan perwakilan tujuh bahagian Umno dalam Wilayah Persekutuan (Lembah Pantai, Batu, Sungai Besi, Kepong, Bukit Bintang, Seputeh dan Titiwangsa) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ahli-ahli Umno wajib memperkukuh dan menyatupadukan Umno supaya ia te-

"Kepercayaan rakyat terhadap Umno mungkin terjejas kerana pelbagai keburukan yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin tertentu dan ini akan menyebabkan kekalahan Umno dan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang," tegasnya.

Beliau menegaskan kejayaan cemerlang Umno dan BN dalam pilihanraya-pilihanraya umum yang lalu disebabkan wujudnya keutuhan dan perpaduan dalam Umno hingga disegani dan dihormati oleh pemimpin parti-parti lain.

"Tetapi kalau pucuk pimpinan Umno tidak lagi mendapat sokongan padu daripada ahli-ahli parti maka sukarlah bagi Umno untuk mentadbir negara secara berkesan dan jaya," jelasnya.

Menurutnya, dengan sokongan padu daripada seluruh ahli Umno, kerajaan BN berjaya memerintah negara dengan aman dan jayanya walaupun ada pendapat-pendapat yang berbeza serta rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan.

rus menjadi parti politik yang dapat membela agama Islam, orang Melayu dan negara.

Menurutnya, Umno benteng bagi orang Melayu dan kalau ia pecah maka hancurlah harapan mereka untuk menikmati keadaan hidup yang lebih baik.

## Benteng

"Kita hendak membina benteng yang kuat kerana orang Melayu masih lemah dan perlukan pembelaan," tegas beliau.

Perdana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli Umno jangan sekali-kali membiarkan nafsu mereka atau orang tertentu menguasai fikiran bagi menghancurkan perpaduan parti.

Beliau juga mahu ahli-ahli Umno menganggap diri mereka sebagai anggota satu keluarga yang besar dan setiap masalah diatasi dengan semangat kekeluargaan.

Mengenai pemilihan Umno, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau khuatir dengan cara kempen yang dijalankan oleh tokoh-tokoh politik yang kecewa kerana hujah mereka banyak tohmah dan fitnah terhadap beliau dan kerajaan.

Selain itu, kerajaan juga dapat memenuhi pelbagai permintaan rakyat di segi kemudahan dan pembangunan kerana Umno kuat dan bersatu padu.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, ahli-ahli Umno perlu menunjukkan kesetiaan kepada parti dan pemimpin yang mereka pilih bagi menjamin segala matlamat perjuangan mereka akan tercapai.

"Janganlah kita membuat sesuatu seperti memburuk-burukkan parti hingga boleh menjejaskan kepercayaan orang lain terhadap pucuk pimpinan pada masa akan datang," jelasnya.

Katanya, pertandingan bagi sesuatu jawatan termasuk Presiden parti memang dibolehkan tetapi jangan sampai mengeluarkan kata-kata kesat serta membuat fitnah atau tohmah terhadap orang lain.

Beliau berpendapat, apabila sampai masanya, seseorang pemimpin termasuk beliau sendiri akan berundur dan memberi peluang kepada orang lain untuk memegang sesuatu jawatan itu.